

KEMAHIRAN MOTIVASI DI TEMPAT KERJA

PENGENALAN

Motivasi adalah kunci kepada kepuasan kerja dan kejayaan dalam hidup. Motivasi ialah daya dinamik yang mendorong tingkahlaku pekerja untuk mencapai prestasi kerja atau matlamat yang lebih baik. Motivasi merupakan suatu dinamo kuasa terpendam, apabila digunakan dengan betul, dapat membina semangat bertekun dalam individu dan kumpulan untuk mencapai matlamat-matlamat unggul walaupun mereka menempuhi banyak cabaran-cabaran dan halangan-halangan besar. Walaupun subjek motivasi ini sangat penting, namun banyak organisasi tidak memberi latihan rasmi kemahiran motivasi yang mencukupi untuk melengkapkan pekerja apabila melantik mereka ke pangkat penyeliaan atau ketua kumpulan. Mereka beranggapan bahawa apabila dilantik, penyelia atau ketua kumpulan secara automatik akan tahu memotivasikan orang-orang dibawah jagaan mereka. Anggapan ini bukan sahaja salah, malah ia menimbulkan banyak isu-isu di mana ramai pekerja-pekerja bawahan merasa tiada kepuasan kerja dan menghampakan.

Banyak teori-teori motivasi boleh digunakan untuk membantu kita memahami tingkahlaku manusia dan membentuk sistem organisasi yang berkesan. Matlamat kursus ini bukanlah untuk menjelaskan semua teori-teori ini dengan secara mendalam. Matlamat kursus ini memokus khususnya kepada beberapa konsep penting, teknik-teknik dan tip-tip untuk menjayakan motivasi di tempat kerja. Lebih tepat lagi, kursus ini direka khusus untuk melatih peserta untuk mencari penyelesaian kepada soalan-soalan seperti berikut:

- Apakah yang memotivasikan pekerja untuk melakukan kerja mereka dengan bersungguh-sungguh?
- Apakah pekerjaan itu yang dapat membangkitkan motivasi dan meningkatkan pencapaian individu atau kumpulan?
- Bagaimana memotivasikan diri sendiri?
- Bagaimana seorang pemimpin membentuk komitmen dalam pekerjaanya?
- Apakah cara-cara untuk mendapatkan pekerja termotivasi?

Program latihan ini akan menyediakan peserta dengan kemahiran yang diperlukan untuk memimpin pekerja supaya mereka akan termotivasi. Teknik pengajaran seperti perbincangan, kes belajar, latihan individu & berkumpulan, video dan kuliah akan digunakan untuk menambahbaik pembelajaran dan minat peserta dalam kursus ini..

KANDUNGAN KURSUS:

1. Pengenalan:
 - Latihan 1 : Belajar motivasi
 - Apakah itu motivasi?
 - Konsep yang betul berkenaan dengan motivasi
 - Latihan 2 : Memotivasikan orang lain
 - Memahami prinsip-prinsip semulajadi & motivasi.
2. Motivasi Kendiri:
 - Kebebasan memilih; Berproaktif
 - Melatih kesedaran diri
 - Kebolehan lawan kesanggupan
 - Video: Motivasi Kendiri
 - Kes Belajar 1
3. Teori-teori Motivasi:
 - Kefahaman motivasi dari kajian selidik pengurusan
 - Tatatingkat Keperluan Maslow
 - Herzberg: “motivator” and faktor “hygiene”

- Kejangkaan dan Kesaksamaan
 - Peneguhan Positif and Negatif.
4. Memotivasi Pekerja:
- Latihan 3: Memotivasikan pekerja
 - Menguruskan perjanjian, bukan orang
 - Kerja sebagai “Game”
 - Cara konfontasi yang betul
 - Tip-tip untuk penyelia

OBJEKTIF KURSUS :

Selepas menghadiri kursus ini, peserta akan ..

- Faham kepentingan motivasi dan kesannya kepada pencapaian kerja pekerja
- Belajar keberkesanan kebebasan untuk memilih dan bagaimana untuk memotivasikan diri sendiri untuk mencapai matlamat peribadi.
- Belajar teori-teori motivasi
- Belajar bagaimana menyediakan keadaan tempat kerja dan peluang untuk pekerja mencapai motivasi.
- Belajar tip-tip motivasi

KHAS UNTUK PESERTA-PESERTA:

Kursus ini sesuai untuk:

- Engineer, Pegawai, Penyelia, Ketua Kumpulan dan mereka yang perlu menyelia pekerja-pekerja lain atau kumpulan dibawah jagaannya.

MAKLUMAT-MAKLUMAT SELANJUTNYA:

Kursus ini akan mengambil selama : 1 hari

Masa : 9.00pagi – 5.00 petang

Tempat : Program In-house atau Publik

RESUME PENGAJAR :

Nelson Kok ialah seorang graduan dari Universiti Sains Malaysia, yang berkelayakkan Sarjana Muda Sains (B.Sc (Hons) Physics) dan juga Sarjana dalam Pentabiran Perniagaan (MBA). Beliau mempunyai lebih daripada 18 tahun pengalaman bekerja dengan syarikat-syarikat Multinational (seperti AT&T Consumer Products Pte Ltd, Corner Peripherals Sdn Bhd, dan Read-Rite (M) Sdn Bhd) dan juga syarikat-syarikat tempatan (seperti Globetronics Technology Berhad, Amquest Sdn Bhd dan GGN Solutions).

Beliau memulakan kerjayanya sebagai seorang Production Supervisor, lalu dilantik menjadi Production Manager, HR/Training Manager, TQM Manager, IT Manager, dan seterusnya ke General Manager. Beliau sekarang berusaha sebagai seorang usahawan dalam bidang Teknologi Informasi dan Komunikasi (ICT) dan juga sebagai Consultant. Nelson merupakan seorang pelatih bertauliah untuk berbagai program latihan pengurusan, kualiti dan teknologi informasi. Melalui kerjayanya, beliau telah banyak berpengalaman mengajar kursus-kursus seperti *5S Good Housekeeping, SPC, QCC, Quality Improvements using 7QC Tools, 7 Steps Problem Solving, QIT, TQM, MRPII, ERP, Team Building Program, Effective Meetings Workshop, Effective Supervisory Skills, Problem Solving & Decision Making, Effective Time Management, Motivation At Work, Frontline Leadership Program, dan 7 Habits of Highly Effective People*. Beliau juga berpengalaman menerajui usaha mendapat persijilan ISO 9002 & memenangi Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kualiti (QMEA) untuk syarikat-syarikat yang beliau pernah bekerja. Bidang pengkhususan Nelson ialah untuk menolong organisasi meningkatkan produktiviti mereka melalui penggunaan teknologi IT terbaru, amalan Pengurusan yang berkesan dan alat-alat Kualiti yang sudah terbukti berhasil.